

PM anggap keputusan tepat

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan keputusan Mahkamah Tinggi memerintahkan semua harta, hutang dan tanggungan Umno lama dipindahkan kepada Umno, sebagai tepat kerana ia hak parti secara sah.

Presiden Umno berkata, sebenarnya semua harta dan tanggungan itu milik parti kerana Umno sekarang sebenarnya adalah Umno dahulu.

"Inilah (keputusan) yang kita harapkan kerana segala harta dan tanggungan itu sebenarnya aset dan tanggungan milik Umno.

"Walaupun secara teknikal seperti tidak mengikut undang-undang (legal),

LIHAT MUKA 2

Mahathir anggap keputusan tepat

DARI MUKA 1

tetapi hakikatnya Umno sekarang adalah Umno yang dahulu.

"Kebanyakan ahli Umno dahulu ada dalam Umno sekarang manakala segala dasar dan perkara lain yang memberi identiti Umno dulu ada pada Umno sekarang. Justeru itu amat tepat jika harta Umno dahulu diberi kepada Umno sekarang," katanya selepas menyampaikan Anugerah Tangan Emas pertandingan Johan Kemahiran Kelima, di sini petang ini.

Dr Mahathir ditanya Mahkamah Tinggi di sini hari ini memerintahkan supaya hak semua harta, hutang dan tanggungan Umno lama serta cawangnya, dipindahkan

kepada Umno sekarang.

Hakim Datuk Mokhtar Sidin membuat perintah itu setelah mendengar permohonan saman semula yang dikemukakan oleh Pegawai Pemegang Harta, Wan Adnan Muhammad, dalam kamarnya.

Permohonan Pegawai Pemegang Harta itu dikemukakan mengikut Seksyen 17(B) Akta Pertubuhan 1966 dan disokong oleh Umno yang sebelum itu dibenarkan menjadi pencelah dalam permohonan berkenaan.

Umno menerusi peguambela, Datuk Zaki Tun Azmi dan Woo Lai Kea, mengemukakan permohonan menjadi pencelah dalam permohonan Pegawai Pemegang Harta itu.

Permohonan Umno itu disokong oleh afidavit Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu mungkin menguatkan Umno, tetapi yang lebih penting ia satu keputusan yang cukup adil.

"Hanya yang kita berasa sedikit kecewa ialah masa yang begitu lama yang diambil sebelum kita sampai ke tahap ini. Bukan salah mahkamah, tetapi kerana proses undang-undang.

"Sementara (proses itu berjalan) banyak harta Umno sudah rosak kerana kita tidak dapat menyelenggaranya dengan baik dan kita kehilangan pendapatan," katanya.

Ditanya mengenai ke-

lewatan keputusan itu, Dr Mahathir berkata, Umno sudah memberi notis yang cukup untuk pihak terbabit membuat protes (bantahan), tetapi tidak ada protes dibuat.

Lagi pun, katanya, Umno menyokong tuntutan yang dibuat itu dengan semua alasan undang-undang yang ada.

Ditanya apakah keputusan itu satu kegagalan bagi pembangkang, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak kira dia gagal atau tidak, tetapi yang pasti ia kejayaan kepada Umno."

Sehubungan itu, katanya, Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membincangkan perkara itu setelah mendapat semua butir berkaitan perkara berkenaan.